



**LAPORAN TAHUNAN**  
**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**  
**2014**

## MAKLUMAT KORPORAT

### FUNGSI LEMBAGA

Fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen penubuhannya adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- b. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- c. Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai kawasan bebas duti;
- d. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersil dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman; dan
- e. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.



**PENASIHAT**


Y.A Bhg Tun Dr. Mahathir bin Mohamad



**PENGERUSI**

YAB Dato' Seri DirajaHaji Adnan bin Haji Yaakob  
*(Menteri Besar Pahang)*

## AHLI LEMBAGA



YB Dato'  
Maznah binti Mazlan



Y.H Dato' Setia  
Wangsa Pahang  
Dato' Mustafa Bin Abu Bakar



Y.M Dato'  
Tengku Alaudin Bin  
Tengku Abd. Majid



Y.H Dato' Haji  
Wan Abdullah  
Bin Haji Wan Salleh



Y.H Dato' Haji  
Md. Rusli Bin Ismail



Y.Bhg. Datuk  
Dr. Ong Hong Peng  
(Ketua Setiausaha Kementerian  
Pelancongan Malaysia)



Y.Bhg. Datuk  
Mohd Hashim Bin Abdullah  
(Ketua Setiausaha Kementerian  
Pertanian dan  
Industri Asas Tani Malaysia)



Puan Norhana Binti Abdul Azis  
(Perbendaharaan Malaysia,  
Kementerian Kewangan)

## KUMPULAN PENGURUSAN



**Pengurus Besar**

Y.H Dato' Haji Hashim bin Mat Tahir



**Pengurus Perbandaran  
dan Kerajaan Tempatan**

Encik Borharuddin  
bin Wan Chik



**Pengurus  
Khidmat Pengurusan**

Puan Nor Zaihan  
binti Othman



**Pengurus  
Pembangunan Masyarakat**

Puan Nazratul Azra  
binti Tukirin

# PENGURUSAN ORGANISASI

## HALA TUJU STRATEGIK

### Visi

Untuk menjadi peneraju utama yang progresif, dinamik dan berdaya maju bagi melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

### Misi

Melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman dengan cekap dan berkesan untuk menjamin kesejahteraan penduduk dan pelancong.

### Teras Strategik

- Memastikan pengurusan sumber asli yang mampan.
- Mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- Memperkasakan keupayaan modal insan.
- Merealisasikan potensi pembangunan pelancongan.
- Melaksanakan transformasi jentera pentadbiran.

## PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN

### Perjawatan

Kedudukan perjawatan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2014 adalah seperti Jadual 1 di bawah:-

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH LULUS	PENGISIAN				KOSONG	
		TETAP	KONTRAK [BERWARAN] (OS11000)	KONTRAK [TIDAK BERWARAN] (OS29000)			JUMLAH
			(Contract Of Service)	(Contract Of Service)	(Contract For Service)		
Pengurusan & Profesional	5	1	3	0	0	4	1
Pelaksana	37	33	3	10	4	50	1
JUMLAH	42	34	6	10	4	54	2

**Jadual 1: Kedudukan Perjawatan Tahun 2014**

Jawatan yang diluluskan kepada Lembaga oleh Agensi Pusat masih kekal seperti tahun lepas iaitu sebanyak 42 jawatan. Walaubagaimanapun beberapa jawatan asal telah dinaiktaraf melalui Cadangan Pengukuhan Perjawatan Agensi-Agensi di Bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang serta juga pertukaran pelantikan disebabkan pindaan dan penjumudan beberapa Skim Perkhidmatan yang berkuatkuasa pada tahun lepas. Kelulusan diberikan melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B.24 Tahun 2014 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014.

Pembantu Kesihatan Awam (Gred U17) yang dilantik mulai 2 Januari 2013 masih meneruskan Cuti Belajar Bergaji Penuh bagi tempoh dua tahun sehingga 31 Disember 2014. Anggota ini mengikuti kursus di Institut Kesihatan Awam Batu Rakit, Terengganu bagi mendapatkan Sijil Kesihatan Awam.

Selain dari itu, permohonan untuk melantik pekerja "Contract For Service" dan sambilan sediada di Lembaga Pembangunan Tioman kepada jawatan

“Contract Of Service” telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui surat bertarikh 24 April 2014. Sehubungan itu, seramai 10 orang anggota ini telah dilantik ke jawatan “Contract Of Service” mulai 1 Jun 2014 dan 15 Jun 2014. Walaubagaimana pun, 4 orang anggota kekal dalam lantikan “Contract For Service” kerana tidak memenuhi syarat lantikan Skim Perkhidmatan berkenaan.

### **Kursus / Bengkel / Latihan**

Dalam tahun semasa, sebanyak 16 program-program kursus/ bengkel/ latihan anjuran pelbagai jabatan di peringkat negeri dan persekutuan telah dihadiri oleh anggota perkhidmatan Lembaga. Kursus/bengkel/ latihan tersebut adalah berkaitan dengan usaha-usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam, pengukuhan perjawatan, Transformasi Minda, kecemerlangan dalam perkhidmatan awam, pemantapan integriti, Sistem Pengurusan Audit Nilai dan juga kursus-kursus perkhidmatan yang merangkumi bidang perlesenan, penilaian harta, pemanduan, perancangan (OSC) dan ICT. Statistik kehadiran kursus anggota perkhidmatan bagi tahun 2014 adalah seperti dalam Jadual 3.

BIL	BIL HARI	TAHUN 2014		TAHUN 2013	
		BIL ANGGOTA	PERATUS	BIL ANGGOTA	PERATUS
1	10	2	3.70	1	1.82
2	9	0	0.0	1	1.82
3	8	1	1.85	1	1.82
4	7	2	3.70	2	3.64
5	6	0	0.0	6	10.91
6	5	0	0.0	4	7.27
7	4	2	3.70	6	10.91
8	3	3	5.56	5	9.09
9	2	4	7.41	7	12.73
10	1	5	9.26	5	9.09
11	0	35	64.81	17	30.91
<b>JUMLAH</b>		<b>54</b>	<b>100%</b>	<b>55</b>	<b>100%</b>

**Jadual 3: Statistik Kehadiran Kursus/Bengkel/Latihan Tahun 2014**

Dalam tahun ini pencapaian menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun tidak banyak berubah iaitu sebanyak 9.26% berbanding tahun lalu sebanyak 9.09%. Walaubagaimanapun, penyertaan dalam kursus di antara 1 hingga 6 hari setahun menurun daripada 60.00% bagi tahun 2013 kepada 25.93% pada tahun semasa. Perancangan yang lebih baik akan dilaksanakan bagi memastikan peratusan menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun meningkat pada tahun akan datang terutamanya melalui penganjuran kursus secara dalaman.

### **Penempatan Pelatih**

Dalam tahun 2014, seramai 1 orang pelatih telah mengikuti latihan praktikal di Lembaga Pembangunan Tioman untuk tempoh **enam (6)** bulan.

## **USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI**

### **Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti 5S**

Kerja-kerja penambahbaikan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S telah dilaksanakan di Lembaga Pembangunan Tioman. Bagi ibu pejabat penambahbaikan dilaksanakan selaras dengan perpindahan pejabat Lembaga Pembangunan Tioman ke Tanjung Gemok, Rompin. Proses penambahbaikan ini akan dilaksanakan sehingga Lembaga memperolehi sijil Amalan Persekitaran Berkualiti 5S.

### **Pemantapan Dokumen Manual Prosidur Kerja dan Fail Meja**

Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi anggota perkhidmatan Lembaga akan dikemaskini dan diselaraskan mengikut Dokumen Kualiti MS ISO 90014:2008 setelah ianya digunapakai oleh Lembaga.

## **PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI**

### **Majlis Bersama Jabatan**

Dalam tahun 2014, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Lembaga Pembangunan Tioman dapat dilaksanakan sebanyak dua kali sahaja.

### **Program Utama**

#### *Hari Keluarga*

Dalam usaha untuk mengukuhkan perhubungan diantara kakitangan, Kelab Keluarga dan Kebajikan Lembaga Pembangunan Tioman telah mengadakan lawatan sambil belajar merangkap hari keluarga ke Lotus Desaru, Kota Tinggi Johor Baharu. Lawatan ini telah di sertai oleh 37 orang ahli kelab dan 71 orang ahli keluarga.



*Ahli dan ahli keluarga yang menyertai lawatan*

Antara pengisian yang telah dibuat pada lawatan kali ini ialah lawatan sambil belajar ke Musium Nelayan untuk mempelajari tentang sejarah peralatan dan cara hidup nelayan. Lawatan ke kebun buah buahan juga telah diadakan bagi mendedahkan ahli rombongan kepada cara penanaman pelbagai jenis tanaman atau buah, cara menternak ikan dan haiwan-haiwan seperti itik dan ayam. Ahli lawatan juga telah dibawa menyusuri sungai Lebam untuk merasai sendiri keindahan alam di waktu malam dengan melihat kelip-kelip.

### *Penambahbaikan Pentadbiran Tempatan*

Bagi meneruskan usaha peningkatan dan penambahbaikan pentadbiran untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk lebih efektif dan berkesan, Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan (BKT) telah melaksanakan pembahagian tugas dan tanggungjawab anggota kepada beberapa unit iaitu :-

- a) Pengangkutan Sisa Pepejal;
- b) Mesin Rumput;
- c) Kebersihan Terminal Gerai;
- d) Kebersihan Kumpulan 1 (bagi laluan dari Bukit Berjaya sehingga laluan Simpang Tiga);
- e) Kebersihan Kumpulan 2 (bagi laluan dari Dewan sehingga laluan Taman Laut);
- f) Seni Taman dan Tapak Semaian; dan
- g) Bot

BKT juga melaksanakan pemantauan dan penyeliaan anggota kerja secara berjadual di mana penyelia yang bertugas secara mingguan akan bertanggungjawab terhadap tugas-tugas seperti berikut:

- a) membuka dan menutup pintu pejabat;
- b) mengawal pengambilan minyak dan barang; dan
- c) membuat rondaan bagi memantau pelaksanaan kerja.

Dalam tahun ini, BKT juga telah mengemaskini dan membukukan Manual Prosedur Kerja. Kandungan yang telah dikemaskini termasuklah piagam pelanggan, carta organisasi dan senarai borang yang digunapakai di bahagian.

#### *Pasukan Tindakan Khas (BKT)*

Di sepanjang tahun 2014, Pasukan Tindakan Khas sentiasa berada dalam siapsedia bagi menghadapi sebarang kejadian atau kes-kes kecemasan yang berlaku di Pulau Tioman dengan cepat dan cekap ke arah perkhidmatan yang berkesan kepada penduduk. Pemantauan juga dibuat oleh penyelia-penyelia di sekitar Kg. Tekek sekiranya terdapat aduan daripada penduduk yang memerlukan tindakan awalan pembaikan dan pemulihan. Bagi tahun 2014, kerja-kerja tindakan khas adalah seperti di dalam jadual 4.

BIL	KERJA-KERJA TINDAKAN KHAS	TARIKH
1.	Kerja kebersihan di Kompleks Terminal Salang, Kg. Salang	25 Januari 2014
2.	Kerja kebersihan di Tandas Kompleks Terminal Tekek, Kg. Tekek	26 Ogos 2014
3.	Kerja kebersihan dan penyelenggaraan Kompleks Terminal Salang, Kg. Salang	23 September 2014
4.	Kerja kebersihan di sekitar kawasan Kompleks Terminal Tekek, Kg. Tekek	02 Oktober 2014
5.	Kerja-kerja pemindahan mangsa banjir ke Kompleks Pendidikan Tekek, Kg. Tekek	29 – 31 Disember 2014

**Jadual 4 : Kerja-kerja Pasukan Tindakan Khas, Lembaga Pembangunan Tioman**



## ICT

### Laman Web Lembaga

Pada tahun semasa, Malaysia Government portals and websites assesment (WGPWA) melalui Multimedia Development Corporation (MDEC) telah mengadakan kaedah penilaian secara sendiri (*Self Assessment*). Kaedah penilaian ini mewajibkan semua agensi kerajaan membuat penilaian dengan mengemukakan bukti kriteria yang telah ditetapkan secara atas talian. Lembaga telah menghantar dua penilaian dan keputusan yang diperolehi adalah seperti paparan “screen shoot” dibawah.



**Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)**  
Welcome to MGPWA online Self-Assessment System, Tioman Development Authority,  
<http://www.tioman.gov.my/>

Assessments

4 star rating in 2014

### Assessments List

Search

There are no related assessments.

Total assessments	Star rating	Submission	View	
1 total	4.0	NO.	View	
Submitted	4.0	20/11/2014	View	Print PDF
Submitted	3.0	20/11/2014	View	Print PDF

**Keputusan online self-assessment oleh WGPWA**

## Pengurusan Sistem HRMIS

Bagi tahun semasa, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Negeri Pahang Bil. 1/2014 telah memaklumkan kriteria yang dinilai dalam KPI HRMIS 2014 adalah Pemurnian Data Perjawatan (ED) (20%), Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan (20%), Pelaksanaan Fungsi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) (20%) , Pelaksanaan Fungsi Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) (20%) dan Pelaksanaan SubModul Perisytiharaan Harta (AD) (20%). Pencapaian KPI HRMIS bagi Lembaga Pembangunan Tioman sehingga 31 Disember 2014 adalah 80%.



**Pengiktirafan Daripada SUK Pahang Kerana Telah Mencapai Target KPI HRMIS**

## BELANJAWAN DAN KEWANGAN

### Terimaan

Bagi tahun 2014 terimaan Lembaga adalah seperti dalam jadual 5.

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Hasil Cukai	431,563
2.	Hasil Bukan Cukai	429,937
3.	Terimaan Bukan Hasil	2,980,455
	Jumlah	3,841,955

**Jadual 5 : Terimaan Bagi Tahun 2014**

### Prestasi Kutipan Hasil

Bagi tahun semasa prestasi kutipan hasil cukai taksiran am, lesen dan sewaan berbanding dengan dua tahun sebelumnya adalah seperti dalam jadual 6.

TAHUN	CUKAI TAKSIRAN AM	LESEN	SEWAAN	JUMLAH
2012	411,806	86,259	80,820	578,885
2013	411,048	85,427	79,516	575,991
2014	396,112	83,218	79,131	558,461

**Jadual 6 : Perbandingan prestasi kutipan hasil**

Jadual 6 menunjukkan bahawa prestasi kutipan hasil pada tahun ini menurun sedikit berbanding dengan pencapaian dua tahun sebelumnya. Namun begitu bagi mempertingkatkan lagi jumlah kutipan hasil, pelaksanaan kutipan luar ke premis-premis berkaitan dibuat secara berterusan setiap minggu

### Perbelanjaan

Perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2014 adalah seperti dalam jadual 7.

BIL	BUTIR PERBELANJAAN	JUMLAH DIBELANJA (RM)
1.	Belanja Mengurus	3,629,138
2.	Belanja Pembangunan	345,830
	<b>JUMLAH</b>	<b>3,974,968</b>

**Jadual 7 : Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan n Tahun 2014**

### Akaun

Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 telah dikeluarkan pada 22 Jun 2015. Penyata Kewangan beraudit Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 dilampirkan bersama-sama Laporan Tahunan ini.

## **PENGURUSAN SUMBER ASLI**

### **RANCANGAN TEMPATAN DAERAH (RTD) ROMPIN**

Rancangan Tempatan Daerah (RTD) telah diwarta semula dan mula digunakan sebagai garis panduan perancangan projek sehingga Tahun 2015.

### **KAWALAN PEMBANGUNAN**

Dalam tahun semasa 5 permohonan perihal tanah telah dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Permohonan tersebut adalah berkaitan:-

- (i) Lesen Pendudukan Sementara Seluas 0.1285 Hektar di Kg. Paya, Mukim Tioman bagi kegunaan Workyard ( Bangunan);
- (ii) Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Pulau Sri Buat, Mukim Tioman seluas 0.1 Hektar bagi kegunaan Perniagaan;
- (iii) Lesen Pendudukan Sementara seluas 10 x 100 meter di Tg. Kasut Tioman bagi kegunaan tapak jeti;
- (iv) Lesen Pendudukan Sementara seluas 1.821 hektar di Tg. Kasut bagi kegunaan tapak perniagaan; dan
- (v) Lesen Pendudukan Sementara Seluas 0.1285 di Kg. Paya Mukim Tioman bagi kegunaan Workyard ( Bangunan).

## **RIZAB HIDUPAN LIAR**

Pelan Pengurusan Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman telah dijadikan asas bagi merancang pembangunan di kawasan terrestrial Pulau Tioman. Produk dan aktiviti pelancongan di kawasan ini sedang dieksploitasikan bagi mempelbagaikan aktiviti pelancongan di Tioman.

## **PENGURUSAN EKO-SISTEM MARIN**

Kajian Conserving Marine Biodiversity Through Enhanced Marine Park Management And Inclusive Sustainable Island Development di bawah kendalian Jabatan Taman Laut telah disiapkan.

Institut Maritim Malaysia (MIMA) masih diperingkat menyiapkan kajian projek perintis Limit of Acceptable Change bagi perancangan dan pengurusan Taman Laut Tioman. Laporan akhir belum siap sepenuhnya.

# KUALITI HIDUP MASYARAKAT

## INFRASTRUKTUR FIZIKAL

### Bekalan Air

Pada masa ini loji JBA di Kg. Tekek berupaya membekalkan air separa rawat 500,000 gpd berbanding penggunaanya 100,000gpd. Kerja pemasangan paip dari Pusat Taman Laut ke Kg. Salang masih diperingkat mendapatkan izin masuk dari pemilik tanah persendirian.

### Telekomunikasi

Telekom Malaysia (TM) menyediakan kemudahan telekomunikasi sebanyak 840 talian menggunakan kemudahan 'radio direct feed' di semua penempatan utama kecuali di Kg. Mukut yang menggunakan sistem 'Code Division Multiple Acces' (CDMA). Di samping itu, sebanyak 45 talian kemudahan telefon awam juga telah disediakan.

Dalam tahun semasa semua kampung utama di Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan telefon selular yang disediakan samada oleh pihak TM, Digi, Celcom atau Maxis. Kemudahan internet – streamyx (Kg. Tekek sahaja) dan broadband juga disediakan di semua kampung.

## KEMUDAHAN SOSIAL

### Perumahan

Untuk tujuan perangkaan bilangan penduduk di Pulau Tioman ialah 3,314 orang manakala bilangan rumah ialah 687 buah seperti dalam Jadual 8.

KAMPUNG	BIL. RUMAH	BIL. PENDUDUK
Salang	36	279
Air Batang dan Tekek	459	2,092
Paya, Genting dan Lanting	86	435
Mukut	41	225
Juara	62	283
<b>Jumlah</b>	<b>687</b>	<b>3,314</b>

**Jadual 8 : Bilangan Penduduk dan Kediaman Tahun 2014**

Cadangan Pembinaan 116 unit rumah cluster bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki Kg. Tekek sedang di laksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara. Bangunan rumah kluster sudah 100% siap manakala kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di tapak ialah pembinaan tangki air, pemasangan pagar, kerja-kerja landskap dan penanaman rumput. Projek ini di jangka siap sepenuhnya pada bulan Julai 2015.



**Projek  
Perumahan  
Rakyat  
(PPR) Kg.  
Tekek**

## Ruang Niaga

Pelbagai jenis perniagaan dijalankan oleh penduduk tempatan disemua penempatan dimana kebanyakannya adalah bersaiz kecil. Bilangan dan jenis perniagaan yang dijalankan dalam tahun semasa adalah seperti dalam Jadual 9.

BIL	NAMA KAMPUNG	MAKANAN	PERKHIDM ATAN	TRED PELBAGAI	HIBURAN DAN REKREASI	PERUSAHAAN	JUMLAH
1.	Salang	11	21	7	-	-	39
2.	Air Batang	12	16	10	-	-	38
3.	Tekek	37	22	36	4	5	104
4.	Paya	6	5	6	2	-	19
5.	Genting	19	14	6	-	-	39
6.	Mukut	8	7	5	-	-	20
7.	Juara	14	4	6	-	1	25
	<b>JUMLAH</b>	<b>107</b>	<b>89</b>	<b>76</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>284</b>

**Jadual 9 : Ruang Niaga Di Pulau Tioman**

Pendaftaran pajakan tanah kepada syarikat DR Group Holdings Sdn. Bhd bagi projek pembinaan Kompleks Pintu Masuk Kg. Tekek telah selesai. Pada masa ini pihak syarikat sedang menyediakan pelan bagi Kebenaran Merancang dan Kelulusan Pelan Bangunan.

## PENGURUSAN KESIHATAN

### Kawalan Penyakit

Aktiviti kawalan penyakit di Pulau Tioman dilakukan secara berterusan bersama-sama anggota Pejabat Kesihatan Daerah Rompin dalam mencegah kejadian penyakit Demam Denggi serta lain-lain penyakit yang berpunca daripada

nyamuk dan serangga yang lain. Dalam tahun ini kerja kerja semburan asap yang dilaksanakan adalah seperti dalam Jadual 10.

BIL	KAWASAN	TARIKH
1.	Semburan agas dan nyamuk di Kg. Salang	27 Januari 2014
3.	Semburan nyamuk di Kg. Tekek	18 – 20 Februari 2014
4.	Semburan nyamuk di Kg. Air Batang	18 – 19 Mac 2014
5.	Semburan nyamuk di Kg. Salang (aduan)	8 – 9 April 2014
6.	Semburan nyamuk di Kg. Genting	11 – 13 Ogos 2014
7.	Semburan lalat di Tapak Insinerator, Kg. Tekek	9 – 11 September 2014
8.	Semburan nyamuk di Kg. Tekek	11 – 17 November 2014

**Jadual 10: Kerja-kerja semburan asap bagi kawalan penyakit bawaan vektor di Pulau Tioman bagi tahun 2014**



**kerja-kerja semburan asap (fogging) bagi kawalan nyamuk oleh anggota Lembaga Pembangunan Tioman bersama anggota kesihatan**

### **Kes Penyakit Sarcocystosis**

Berikutan kejadian kes Penyakit Sarcocystosis di Pulau Tioman, kawalan dan surveilan berterusan terhadap penyakit ini dibuat oleh anggota Jabatan Kesihatan bersama-sama pihak Lembaga. Tindakan yang telah dilaksanakan dalam tahun ini adalah seperti berikut:

- a) Mengambil sampel air di beberapa intake di Kg. Salang dan Kg. Tekek.
- b) Menjalankan surveilan aktif (jejak kesan) terhadap pesakit dan hubungan terhadap punca penyakit.
- c) Mengedarkan risalah yang terbaru tentang penyakit sarcocytosis kepada semua pengusaha resort/ premis perniagaan/ makanan di Pulau Tioman.

### Kawalan Mutu Makanan

Pada tahun 2014, sebanyak 57 buah premis makanan telah diperiksa oleh pegawai Lembaga bersama-sama dengan pegawai daripada Klinik Kesihatan Tekek. Aktiviti ini dilakukan bagi mengelak dan mencegah daripada berlakunya kes keracunan makanan yang berpunca daripada makanan yang tidak bersih dan tidak selamat. Rating penggredan diberikan mengikut markah seperti berikut:-

- a) Gred A : 86% - 100%
- b) Gred B : 71% - 85%
- c) Gred C : 51% - 70%
- d) 50% ke bawah : tiada penarafan gred

Taburan premis yang diperiksa adalah seperti dalam jadual 11.

BIL	NAMA KAMPUNG	BILANGAN PREMIS			
		DIPERIKSA	GRED A	GRED B	GRED C
1.	Kg. Tekek	28	15	13	0
2.	Kg. Air Batang	2	1	1	0
3.	Kg. Genting	4	1	3	0
4.	Kg. Paya	3	2	1	0
5.	Kg. Salang	6	3	3	0
6.	Kg. Juara	10	5	5	0
7.	Kg. Mukut	4	3	1	0
	<b>Jumlah</b>	57	<b>30</b>	<b>27</b>	<b>0</b>

**Jadual 11 : Premis-premis makanan di Pulau Tioman yang diperiksa mengikut gred**

Pihak Lembaga telah menganjurkan Kursus Pengendalian Makanan bagi tahun 2014 dengan kerjasama daripada Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) "Food Safety Solution". Kursus ini telah dilaksanakan pada 6 Ogos 2014 di Kg. Genting dan 7 Ogos 2014 di Kg. Tekek. Seramai 36 orang telah menghadiri kursus ini masing-masing 20 orang di Kg. Genting dan 16 orang di Kg. Tekek. Sijil penghargaan kursus telah diberikan kepada peserta-peserta yang telah berjaya menamatkan kursus.



*Kursus Pengendalian Makanan di Kg. Tekek, Pulau Tioman*

### **Promosi Kesihatan**

Pihak Lembaga bersama-sama anggota Jabatan Kesihatan juga menjalankan promosi kesihatan berkaitan pengawalan dan pencegahan demam serta kawalan keselamatan dan kualiti makanan di Pulau Tioman. Aktiviti ini melibatkan pemberian brosur dan pamphlet semasa menjalankan aktiviti semburan kabus dan pemeriksaan rating restoran dan kedai makan.

### **PENGURUSAN KUMBAHAN**

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah meluluskan peruntukan bagi pengurusan kumbahan jangka pendek kepada Lembaga Pembangunan Tioman. Projek ini akan dilaksanakan secara usaha dengan pihak Indah Water Konsortium (IWK).

## **PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

### **Pemungutan Berkesan**

Pengurusan sisa pepejal di Pulau Tioman masih dilaksanakan oleh Lembaga Pembangunan Tioman. Pemungutan dan pengangkutan sisa pepejal di Kg. Tekek dilaksanakan oleh anggota Lembaga manakala di penempatan lain kerja-kerja ini diswastakan kepada JKK kampung yang berkenaan. Sisa pepejal dari kampung Salang, Air Batang, Paya, Genting dan Nipah diangkut dengan bot dan dihantar ke tapak pelupusan Kg. Tekek oleh JKKK berkenaan. Sisa pepejal dari Kg. Juara dibawa ke Kg. Tekek dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Sisa pepejal ini kemudiannya diangkut dengan tongkang untuk di lupuskan di tanah besar. Pengurusan sisa pepejal di Kg. Mukut, diuruskan oleh JKK kampung berkenaan dengan pelupusan secara pembakaran atau ditanam di atas tanah persendirian yang disewa oleh JKK kampung.

Pihak Lembaga juga memastikan kerja-kerja penambahbaikan pengurusan sisa pepejal di Pulau Tioman dilakukan secara berterusan. Penambahbaikan ini dibuat melalui pelaksanaan kerja pengangkutan sampah yang baik, cara mengangkat tong ke lori, cara meletakkan semula tong ke tempat asal, membersihkan sampah-sampah yang jatuh di kawasan tong dan sebagainya supaya mutu kerja setiap anggota dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

### **Memperbaiki Sistem Pelupusan**

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan bagi melantik Syarikat Sumur Mutiara Sdn. Bhd bagi menjalankan kerja Operasi dan Penyelenggaraan loji insinerator Pulau Tioman untuk tempoh selama 2 tahun. Sehubungan dengan itu "Testing and Commisioning" bagi loji ini

telah di jalankan oleh pihak KPKT, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Syarikat Sumur Mutiara pada 15 Disember 2014.

### **Pelaksanaan Program Kitar Semula, Pengasingan Sampah dan Pendidikan**

Pada tahun ini, Pengurusan Lembaga bersama satu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Reef Check Malaysia (RCM) telah menggembelingkan tenaga memulakan usaha kitar semula di Pulau Tioman. Ia merupakan program jangka panjang 'Cintai Tioman' yang memberi tumpuan untuk mengurangkan kesan tempatan terhadap terumbu karang. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh RCM pada peringkat awal adalah seperti berikut:

- a) Memberi beberapa tong sampah khas untuk plastik kepada pejabat kerajaan, sekolah, kedai SCUBA, resort dan kedai runcit di semua kampung di Pulau Tioman;
- b) Mengedar poster kitar semula di premis-premis perniagaan untuk dipamerkan; dan
- c) Mengumpulkan bahan kitar semula (plastik) untuk dihantar ke pusat kitar semula di Mersing melalui perkhidmatan kargo.

RCM dijangka akan memperluaskan kitar semula bahan seperti kertas, botol kaca, minyak masak berlebihan dan sisa makanan. Dengan usaha ini, jumlah sampah yang dihasilkan di Pulau Tioman dapat dikurangkan.

### **Pelaksanaan Projek Kompos (Vermicomposting)**

Dalam tahun ini, pihak Lembaga telah memulakan Projek Pengkomposan Daun-Daun Kering melalui Program Pemindahan Ilmu (KTP) dengan kerjasama daripada Universiti Putra Malaysia (UPM). Projek yang bermula pada Oktober 2014 ini telah menunjukkan implikasi yang positif dari segi pengasingan sisa hijau terhadap anggota Lembaga dalam menguruskan daun-daun kering. Ini dapat

mengelakkan daripada aktiviti pembakaran secara terbuka di jalan utama. Unit Tapak Semaian Lembaga telah ditugaskan untuk melaksanakan proses-proses kompos secara berperingkat seperti berikut:

- a) Daun-daun kering/ "garden waste" yang telah dikumpul dimasukkan ke dalam sebuah mesin "grinder" sehingga menjadi habuk-habuk halus dan dikumpulkan ke dalam bekas tangki;
- b) Habuk tersebut akan direndamkan di dalam air selama 10 hari ke 14 hari. Selepas tempoh tersebut, lebih air akan dikeluarkan daripada bekas tangki;
- c) Selepas itu, cacing beserta tahi lembu kering akan dimasukkan untuk melakukan proses penguraian terhadap rendaman habuk sehingga bertukar menjadi baja; dan
- d) Dalam tempoh 2 bulan, baja yang terhasil akan diasingkan daripada tangki dan dikumpulkan untuk proses pembajaan pokok tanaman dan pokok bunga hiasan.

Projek ini juga dijangka akan dipromosikan untuk produk pelancongan baru (K-Tourism) di Pulau Tioman pada tahun 2015.



## MODAL INSAN

### PROGRAM KEUSAHAWANAN

Aktiviti pelancongan merupakan asas utama penglibatan usahawan dalam bidang perniagaan di Pulau Tioman. Bermula dengan penyediaan rumah penginapan, kedai makan, kedai runcit, perkhidmatan bot, sewaan motosikal, basikal dan kereta, kedai serbanika, bebas cukai serta kedai kraftangan semuanya merupakan perniagaan berkaitan sektor pelancongan.

Sehubungan itu, pelbagai usaha dilakukan oleh agensi termasuk Lembaga sendiri untuk membantu para usahawan yang sedia ada serta usahawan baru dalam mengembangkan perniagaan mereka. Antara usaha yang telah dilakukan adalah dengan mengadakan kursus- kursus keusahawanan. Berikut merupakan bengkel dan juga kursus yang telah diadakan sepanjang tahun 2014 anjuran pelbagai agensi yang dibantu oleh pihak Lembaga.

TARIKH	AGENSI	TEMPAT	KURSUS	BIL. PESERTA
8 Mac	Koperasi Penduduk Tioman	Bilik Mesyuarat, Peladang Inn Kg. Tekek	Kursus Asas Keusahawanan	10 orang
9 Mac	Koperasi Penduduk Tioman	Bakeri Kampung Juara	Kursus Pembuatan Roti	8 orang
19 Mac	Jabatan Agama Islam Pahang	Bilik Seminar, Persona Inn Resort, Kg. Tekek	Kursus e-Halal kepada pengusaha restoran	25 orang
3 April	Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang	Bilik Seminar, Persona Inn Resort, Kg. Tekek	Malaysia Welcomes The World: We Are The Host	40 orang
25 Jun	Koperasi Penduduk Tioman	Bakeri Kampung Juara	Kursus Pembuatan Roti	10 orang
	Koperasi Penduduk Tioman	Bilik Mesyuarat Paladang Inn, Tekek	Kursus Asas Fotografi	15 orang
26 Ogos	Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang	Bilik Mesyuarat, Peladang Inn, Kg. Tekek	Kursus penarafan bintang kepada pengusaha resort dan spa.	45 orang

**Jadual 12 : Bengkel Dan Kursus 2014**

## **EKONOMI DESA**

Dalam usaha untuk membantu penduduk yang berminat dalam menjalankan perniagaan pihak Lembaga mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti Perbadanan Kraftangan Malaysia, Jabatan Pertanian, KEMAS, MUIP dan juga RISDA bagi meningkatkan sektor ekonomi desa. Sehingga kini, terdapat sebuah pusat batik yang masih beroperasi iaitu Suzila Batik di Kampung Genting yang menyediakan perkhidmatan belajar mencanting dan turut menjual hasil- hasil batik seperti hiasan dinding, pareo dan alas meja.

Terdapat juga sebuah pusat kraftangan di Kampung Juara yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Selain kraf dari bahan terbuang seperti bunga daun getah dan kraf dari tempurung, pengusaha pusat kraf ini juga menjual produk-produk kesihatan hasil bumiputera serta menjual pakaian hasil jahitan beliau sendiri.

Di Kampung Mukut pula, penduduk dengan kerjasama Universiti Tenaga Nasional Malaysia telah mewujudkan perusahaan madu kelulut. Sebanyak 17 buah keluarga telah menyertai perusahaan ini dan telah mula mendapat hasil darinya. Terkini, beberapa pengusaha di Kampung Juara dan Kampung Air Batang juga telah mula mengusahakan perniagaan madu kelulut, manakala di Kampung Tekek, seorang pengusaha telah menghasilkan sabun yang mengandungi madu kelulut dan menjualnya di pasaran tempatan.

## **KEMASYARAKATAN**

Dalam memastikan pembangunan modal insan yang berterusan pihak Lembaga sentiasa berusaha untuk mengadakan aktiviti sihat yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Dengan bantuan Lembaga, bermula Oktober 2012, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Syarikat Soul 24/7 telah bekerjasama dengan pengurusan Berjaya Tioman Beach and Golf

Resort untuk mengadakan kelas Bahasa Inggeris dan komputer kepada semua peringkat umur. Pada masa ini, kelas ini diadakan di sebuah premis yang disewa oleh syarikat berkenaan di kawasan benteng, Kampung Tekek. Kelas tersebut terbahagi kepada 3 sesi iaitu pagi, petang dan malam. Setakat ini, 3 orang guru ditempatkan di sini bagi memenuhi keperluan pembelajaran. Jumlah pelajar pula adalah seramai 25 orang kanak-kanak dan 30 orang dewasa.

Pihak Lembaga juga melaksanakan program gotong-royong untuk memastikan dan meningkatkan tahap kebersihan di Pulau Tioman. Aktiviti ini juga dapat mencegah berlakunya kejadian penyakit berjangkit seperti demam denggi dan lain-lain di samping dapat mewujudkan hubungan yang baik antara penduduk, agensi-agensi/ jabatan-jabatan serta masyarakat tempatan.



Antara program gotong royong yang telah di jalankan

Pada tahun 2014, pihak Lembaga telah melaksanakan 9 aktiviti gotong-royong di Pulau Tioman, yang melibatkan penduduk tempatan, Badan Bukan Kerajaan serta juga agensi-agensi kerajaan. Program yang telah dilaksanakan adalah seperti dalam jadual 13.

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Gotong-royong membersihkan pantai kawasan Dataran Tioman bersama-sama Jabatan Kesihatan dan pelajar sekolah di 'Program Sentuhan Hijau'	14.06.14
2.	Gotong-royong membersihkan pantai di Pulau Tulai dan pantai dari Taman Laut ke simpang TNB dalam Program Sentuhan Hijau bersama-sama KPNKK, Giant & TV3	25.06.14

BIL	AKTIVITI	TARIKH
3.	Gotong-royong membersihkan dahan-dahan pokok yang tumbang di hadapan Mini Market Peladang, Kg. Tekek bersama dengan JPAM, Belia dan TNB	04.08.14
4.	Gotong-royong 'Beach Clean Up' Start In Tioman (SIT) 2014 di Kg. Tekek	21.08.14
5.	Gotong-royong membersihkan pantai dan jalan ke masjid bersama-sama Jawatankuasa Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin, Putrajaya, Jawatankuasa Masjid Tekek dan JKKK Tekek.	30.08.14
6.	Gotong-royong membersihkan kawasan dewan di Kg. Tekek bersama-sama Belia dan SOLS 24/7	17.09.14
7.	Gotong-royong 'Beach Clean Up' bersama-sama MOF Divers, Kementerian Kewangan Malaysia di Kg. Tekek	13.09.14
8.	Gotong-royong membersihkan kawasan perkuburan Kg. Tekek bersama-sama Polis, JKKK, JPAM.	14.09.14
9.	Gotong-royong memindahkan penduduk yang terkena banjir ke pusat pemindahan banjir di SK Tekek bersama-sama JKKK dan Belia Tekek	30.12.14

**Jadual 13 : Program Gotong-Royong yang telah dilaksanakan di Pulau Tioman**

## KEROHANIAN

Aspek kerohanian adalah asas utama dalam pembangunan modal insan. Oleh yang demikian, pihak Lembaga sentiasa menyokong usaha-usaha penganjuran program bersifat islamik yang melibatkan seluruh penduduk Pulau Tioman. Pelbagai ceramah dan kuliah agama di masjid dan surau- surau di seluruh Pulau Tioman diadakan sepanjang tahun. Program kerohanian lain yang telah dijalankan dalam tahun 2014 adalah seperti dalam jadual 14.

BIL	PROGRAM	TARIKH	ANJURAN
1	Ceramah sempena Sambutan Maulidur Rasul di Masjid Kg. Tekek	10 Januari	Jawatankuasa Masjid Kg. Tekek
2	Forum Perdana sempena Program Tautan Mahabbah Ukhwah	30 Mac	Jawatankuasa Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin, Putrajaya
3	Forum bertemakan 'Cintai Rasul' dan persembahan Qasidah	11 April	Syarikat Barakah Traders

**Jadual 14 : Aktiviti Kerohanian**

## PELANCONGAN

### PRODUK

#### Aktiviti Rekreasi Laut Dan Pantai

Sehingga kini, hampir 80% aktiviti pelancongan di Pulau Tioman masih tertumpu ke kawasan laut dan pantai di mana pulau- pulau Taman Laut yang masih terpelihara khazanah alamnya menjadi daya tarikan utama kepada pelancong. Selain kawasan Pusat Taman Laut itu sendiri, pulau- pulau kecil di dalam kawasan ini seperti Pulau Rengis, Pulau Soyak dan Pulau Tulai adalah antara tarikan dan pilihan utama pelancong untuk melakukan aktiviti seperti snorkeling dan selam skuba. Untuk kemudahan para pelancong, sebanyak 21 buah pusat selam skuba beroperasi di semua penempatan utama Pulau Tioman.

Di kawasan pantai pula, aktiviti riadah seperti bola tampar pantai, bola sepak pantai serta aktiviti 'sunbathing' menjadi pilihan para pelancong. Bagi golongan muda yang sukakan aktiviti lebih mencabar kebiasaannya akan mencuba untuk meluncur ombak dan berkayak serta satu aktiviti baru di sini iaitu Stand Up Paddle.



*Aktiviti Stand Up Paddle (SUP)*

Selain dari itu kaki pancing pula memilih aktiviti memancing dan mencandat sotong di laut (dalam jarak 2 batu nautika dari pantai bagi pulau Taman Laut).



*Penglibatan Lembaga dalam usaha menyokong aktiviti memancing*

Antara usaha pihak Lembaga dalam menyokong serta mempromosikan aktiviti rekreasi laut dan pantai ini ialah dengan membantu pelaksanaan beberapa acara yang dianjurkan oleh pihak swasta. Senarai acara pelancongan yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2014 adalah seperti didalam jadual 15.

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	CATITAN
1	Tioman Surfing Event (Kampung Juara)	31 Jan – 2 Feb 2014	Tioman Boardriders Event Management	53 orang peserta termasuk 14 orang peserta antarabangsa yang berasal dari Maldives, Germany, Singapore, Australia, Brazil dan USA
2	Bubble Camp (Kampung Genting)	24 – 27 Mac 2014	Villagers Travel & Tours Sdn. Bhd.	62 orang peserta termasuk 7 orang peserta yang mengambil lesen Junior Open Water Diver

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	CATITAN
3	Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco Challenge (Kampung Tekek)	8 – 10 Mei 2014	SAS Eco Challenge Sdn. Bhd.	127 orang peserta termasuk 11 orang peserta antarabangsa dari Kenya, Singapura, Republik Czechoslovakia dan USA
4	Sail Malaysia Passage To The East (Kampung Tekek)	13 – 14 Mei 2014	Passion Asia Sdn. Bhd.	22 buah kapal layar yang membawa 44 orang peserta
5	Start In Tioman (Kampung Genting)	21 – 24 Ogos 2014	Villagers Travel & Tours	245 orang peserta yang terdiri daripada 59 orang peserta Open Water Dive Course, 133 orang penyelam berlesen, 44 orang snorkeler dan 9 orang wakil media.
6	Royal Pahang Billfish International Challenge (Kg. Lanjut, Rompin)	12 - 14 September 2014	Persatuan Memancing Malaysia	Seramai 99 orang peserta dari 33 pasukan telah menyertai RPBIC 2014. 35 orang peserta adalah dari Malaysia dan baki 64 orang lagi adalah dari Singapura, Indonesia, Australia, China, New Zealand, Japan, Philipine dan Vietnam.

**Jadual 15 : Senarai program pelancongan 2014**

### **Pembangunan Industri Pelayaran**

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 238 buah kapal layar telah singgah di Marina Awam Pulau Tioman. Selain dari pelayar yang singgah untuk mendapatkan bekalan makanan atau keperluan lain, terdapat sebilangan yang memilih untuk tinggal lebih lama di Pulau Tioman. Ada pelayar yang tinggal melebihi 3 bulan

dan ada juga pelayar yang berulang setiap tahun untuk menghabiskan masa di Pulau Tioman. Keadaan ini berlaku kerana mereka tertarik dengan keindahan alam semulajadi yang ada di sini selain dari kemudahan marina yang baik di mana pelayar dapat menggunakan kemudahan elektrik dan sumber air tawar di marina dengan kadar bayaran tertentu yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Laut.



### **Pembangunan Aktiviti Daratan**

Walaupun Pulau Tioman lebih dikenali dengan keindahan lautan dan pantainya, aktiviti daratan seperti kembara hutan dan 'rock climbing' juga semakin menjadi pilihan pelancong. Dalam usaha membangunkan aktiviti ini, Lembaga sentiasa bersikap terbuka untuk membantu mana- mana pihak yang berminat menjalankan program berkaitan aktiviti tersebut

Acara Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco Challenge yang telah tujuh kali dianjurkan sedikit sebanyak membantu membangunkan aktiviti daratan di Tioman. Laluan perlumbaan merangkumi kawasan yang mempunyai nilai- nilai sejarah dan alam semulajadi menjadi tarikan peminat sukan ini. Selain itu, trek kembara hutan dari Kampung Tekek ke Kampung Juara dan Kampung Air Batang ke Kampung Salang merupakan antara dua laluan yang paling popular digunakan oleh pelancong untuk menjalankan aktiviti kegemaran mereka ini.



*Acara Sultan Ahmad Shah Eco Challenge Pulau Tioman 2014*

Selain itu, sebuah pusat rekreasi yang dikenali sebagai Taman Pelanduk sedang dibangunkan oleh penduduk setempat di Kampung Juara. Taman ini akan dijadikan satu pusat informasi dan pemeliharaan pelanduk yang membolehkan para pelancong mengenali lebih dekat lagi haiwan yang terkenal di Pulau Tioman ini. Pusat rekreasi ini dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2015.

### **Mewujudkan Aktiviti Musim Tengkujuh**

Jika dilihat kepada pola kemasukan pelancong ke Tioman pada setiap tahun, bulan November sehingga Februari menunjukkan penurunan yang sangat ketara berbanding waktu puncak. Keadaan ini terjadi kerana musim tengkujuh menjadi halangan kepada pelancong untuk melakukan pelbagai aktiviti. Di musim ini pengangkutan ke Tioman juga terhad dan menyukarkan pelancong untuk datang. Oleh yang demikian, pihak Lembaga mengambil inisiatif untuk menggunakan musim tengkujuh sebagai salah satu tarikan kepada penggemar sukan luncur ombak. Aktiviti luncur ombak ini diadakan di Kampung Juara

kerana ombak di sana lebih tinggi dan besar menjadikannya sesuai untuk menjalankan aktiviti tersebut. Selain itu, terdapat juga pelancong dan penduduk tempatan yang bermain luncur ombak ini di Kampung Paya dan Kampung Salang.

Selain luncur ombak, sukan luncur layar juga telah mula mendapat perhatian. Segelintir peminat aktiviti ini terdiri dari penduduk tempatan yang membeli sendiri layar mereka untuk bermain disekitar Kampung Air Batang dan Kampung Tekek. Dengan adanya kemasukan pelancong yang ramai pada musim tengkujuh, pengusaha- pengusaha chalet dan restoran juga mengambil kesempatan untuk tidak menutup premis mereka bagi menyediakan penginapan dan servis makanan kepada pelancong. Aktiviti meluncur ombak dan luncur layar ini berpotensi menjadi salah faktor yang membantu merealisasikan hasrat



***Penganjuran Tioman Festival bagi mewujudkan aktiviti di musim tengkujuh***

Lembaga dalam menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi unggul pelancongan sepanjang tahun.

## **AKSESSIBILITI**

### **Jeti**

Akses utama ke Pulau Tioman adalah dari Jeti Tanjung Gemok, Rompin dan juga Jeti Mersing, Johor. Operasi kedua- dua jeti ini adalah di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia. Penumpang yang menaiki feri ini akan diturunkan di setiap kampung mengikut halatuju masing- masing. Hentian feri di Pulau Tioman adalah di Jeti Kampung Genting, Jeti Kampung Paya, Jeti Kampung Tekek, Jeti Kampung Air Batang dan Jeti Kampung Salang.

### **Feri**

Perkhidmatan feri yang berpangkalan di Tanjung Gemok dikendalikan oleh Syarikat Bistari Gemilang Shipping Sdn. Bhd. dengan satu perjalanan pergi balik sehari. Namun begitu, pada musim puncak jadual perjalanan setiap feri akan ditambah bergantung kepada tempahan dan permintaan penumpang. Pihak Lembaga juga turut sama mempromosikan penggunaan perkhidmatan feri di Tanjung gemok ini. Penyelarasan tempahan secara pukal bagi petugas dan mereka yang terlibat di dalam setiap acara kendalian Lembaga dibuat menerusi perkhidmatan feri di sini. Direktori syarikat perkhidmatan feri di Tanjung gemok ini turut dimuatkan dalam laman web milik Lembaga ([www.tioman.gov.my](http://www.tioman.gov.my)) bagi membantu mempromosikan perkhidmatan feri ke Tioman melalui Tanjung Gemok.

Selain itu, terdapat juga perkhidmatan feri alternatif ke Pulau Tioman iaitu melalui Mersing. Kebanyakan pelancong yang menggunakan perkhidmatan feri di Mersing adalah mereka yang menggunakan Lebuhraya Utara Selatan, pelancong dari selatan Semenanjung Malaysia dan juga dari Singapura. Jadual perjalanan feri dari Mersing ini adalah tidak tetap kerana perjalanan feri ini bergantung kepada pasang surut air laut . Namun begitu bilangan feri yang beroperasi di sini adalah banyak.

## **Lapangan Terbang**

Perkhidmatan pengangkutan udara yang beroperasi pada waktu ini hanyalah dari pesawat peribadi dan tempahan khas sahaja. SAS Air beroperasi dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dan terbang ke Tioman mengikut tempahan yang ada. Selain itu, ia juga turut terbang dari Kuantan jika terdapat permintaan oleh penumpang. Kapasiti penumpang pesawat kepunyaan SAS Air adalah dari 8 hingga 14 tempat duduk sahaja. Penerbangan berjadual oleh Berjaya Air telah menamatkan servis dan mengosongkan premis mereka di Lapangan Terbang Tioman bermula Disember 2014.

## **KEMUDAHAN PELANCONGAN**

### **Penambahbaikan/ Naik Taraf Premis Penginapan**

Industri pelancongan di Pulau Tioman semakin hari semakin pesat membangun. Jika dilihat dari awalnya, hanya penduduk tempatan sahaja yang membina rumah- rumah penginapan dan restoran. Namun kini fenomena telah berubah, terdapat sebilangan penduduk luar yang berminat untuk berniaga dan menceburkan diri dalam bidang pelancongan dengan menyewa tanah untuk dibangunkan menjadi rumah penginapan pelancong. Premis yang mampu menyediakan fasiliti dan perkhidmatan yang bertaraf lima bintang mampu menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan di Pulau Tioman.

Dalam tahun 2014, beberapa buah resort di sekitar Kampung Genting, Kampung Air Batang , Kampung Paya dan Kampung Juara telah menambah jumlah bilik mereka. Fasiliti bilik juga telah ditambah seperti penyediaan televisyen dan juga kemudahan wifi.

## **PEMASARAN**

Pihak Lembaga telah mempertingkatkan usaha dalam memasarkan Pulau Tioman bagi mengekalkan imej sebagai sebuah destinasi percutian yang unggul agar pulau ini sentiasa menjadi pilihan utama pelancong tidak kira bagi pelancong baru atau pelancong berulang. Pemasaran amat penting bagi memastikan Pulau Tioman dikenali di serata dunia.

### **Pembangunan Sistem Maklumat Pelancongan**

#### *Laman Web Lembaga*

Maklumat- maklumat yang diperlukan oleh para pelancong seperti senarai resort- resort, pusat skuba dan perkhidmatan pengangkutan sentiasa dikemaskini di dalam laman web ini. Selain itu, semua maklumat tentang aktiviti atau program pelancongan, kemasyarakatan dan lain- lain yang dianjurkan juga akan dikongsikan dengan pelayar laman ini ([www.tioman.gov.my](http://www.tioman.gov.my))

#### *Brosur*

Brosur merupakan satu medium pemasaran yang berkesan kepada para pelancong. Hal ini kerana, ianya mudah disimpan dan dibawa ke mana- mana sahaja selain mempunyai maklumat seperti nombor telefon untuk kemudahan pelancong. Pada tahun 2014 pihak Lembaga dengan kerjasama Tourism Malaysia Pahang dan pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri pahang telah mengedarkan brosur- brosur dan 'bunting' ke resort- resort dan pusat informasi di Pulau Tioman. Selain itu, pemilik premis dan pengusaha pelancongan di Pulau Tioman disarankan untuk membuat brosur sendiri mengikut kemampuan dan keperluan resort mereka. Namun begitu, Pihak Lembaga sentiasa memantau supaya maklumat yang dipaparkan adalah tepat dan terkini.

#### *Iklan*

Dalam memastikan maklumat-maklumat berkaitan Pulau Tioman dapat disampaikan dengan mudah dan cepat, pihak Lembaga juga telah mengambil

inisiatif membeli satu ruang penuh muka surat di dalam *Visitor's Guide Malaysia*. Buku panduan pelancongan ini memaparkan maklumat seperti nombor telefon, peta, gambar terkini dan senarai chalet serta pusat menyelam yang ada di sini. Selain itu, maklumat tersebut juga dimuat naik ke dalam lama sesawang mereka iaitu [visitorsguide.com.my](http://visitorsguide.com.my). Maklumat yang diperlukan akan dikemaskini setiap kali pembaharuan kontrak pengiklanan tersebut.

#### *Pusat Penerangan/ Tempahan Berpusat*

Enam pusat informasi pelancongan yang ada di setiap kampung utama iaitu di Salang, Air Batang, Tekek, Genting, Mukut dan Juara berfungsi sebagai tempat mendapatkan informasi yang tepat dan terkini bagi pelancong. Selain itu, terdapat juga peta yang menjadi panduan kepada pelancong ketika bercuti di sini. Pusat- pusat penerangan ini juga menyediakan perkhidmatan seperti tempahan teksi dan juga pakej snorkeling kepada para pelancong. Terdapat juga beberapa buah pusat informasi milik syarikat swasta yang diwujudkan oleh peniaga tempatan bagi memberi lebih pilihan kepada pelancong.

### **Promosi**

#### *Pembangunan Pakej*

Pakej- pakej terbaru yang melebihi pakej biasa iaitu 3 hari 2 malam kini telah menjadi pilihan para pelancong. Kebiasaannya pakej ini merangkumi aktiviti di laut dan darat. Sebagai contoh, selain aktiviti snorkeling yang sememangnya wajib ada di dalam pakej pelancongan ke Tioman kini aktiviti seperti kembara hutan dan mandi manda di air terjun turut dimuatkan dalam pakej. Selain itu, bagi penggemar aktiviti selam skuba pastinya akan mengingap melebihi tiga malam untuk memperoleh tauliah sebagai penyelam professional dan lebih seminggu untuk mendapatkan lesen lanjutan yang khusus. Dalam tahun semasa, terdapat lebih 15000 penyelam yang datang menyelam di Tioman yang terdiri daripada penyelam berulang, penyelam baru dan juga penyelam yang belajar untuk mendapatkan lesen. Selain itu, satu lagi pakej baru yang sedang dibangunkan adalah pakej percutian 'voluntourism'. Selain

menjalankan aktiviti yang biasa semasa melancong ke pulau, pelancong juga menyertai pakej 'voluntourism' iaitu sebuah pakej yang menyelitkan aktiviti sukarelawan alam sekitar seperti penanaman anak bakau, beach clean up dan pembersihan karang.

#### *Promosi Jualan*

Dalam usaha mempromosikan produk pelancongan yang ada di Pulau Tioman, pengusaha pelancongan adalah sentiasa digalakkan untuk mengambil bahagian secara terus dalam misi jualan dan pameran sama ada di dalam atau luar negeri. Bagi tahun semasa pihak Lembaga bersama pengusaha pelancongan Pulau Tioman telah menyertai misi jualan dan pameran seperti dalam jadual 16.

PROGRAM	TARIKH	PESERTA	CATITAN
Malaysia International Dive Expo (PWTC, Kuala Lumpur)	6- 8 Jun	Villagers Travel and Tours	Mengutip jualan sebanyak RM57,370 (penjualan pakej acara Start In Tioman 2014 kepada penyelam)
Johor Travel Fair (City Square, Johor Bahru)	Ditunda kepada Mac 2015	-	-

**Jadual 16 : Program Promosi**

## **STATISTIK PELANCONG**

Ketibaan pelancong di Pulau Tioman bagi tahun 2014 adalah sebanyak 268,784 orang. Jumlah ini terdiri daripada 191,795 orang pelancong domestik (71.3%) dan 76,989 orang (28.7%) pelancong antarabangsa. Pelancong antarabangsa paling ramai adalah dari Singapura, diikuti oleh Jerman, Perancis, Britain dan India. Pada tahun semasa, didapati kedatangan pelancong meningkat seramai 36,682 (16%) orang berbanding tahun 2012.

Bagi tujuan mengemaskinikan data- data kedatangan pelancong ke Tioman, pengambilan maklumat kedatangan pelancong ini dibuat setiap bulan. Selain mengambil kiraan kemasukan pelancong melalui feri dan kapal terbang, mod pengangkutan lain juga turut diambil kira seperti kapal persiaran atau kapal layar dan bot- bot tempahan khas untuk aktiviti menyelam yang kebiasaannya akan masuk pada hujung minggu.

Usaha- usaha bagi menambahkan bilangan pelancong yang datang serta pertambahan tempoh penginapan akan terus dilaksanakan dari masa ke masa. Statistik kemasukan pelancong dari lima tahun terdekat termasuk tahun semasa adalah seperti dalam jadual 17.

TAHUN	KETIBAAN PELANCONG (ORANG)	DOMESTIK (ORANG)	LUAR NEGERI (ORANG)
2010	213,158	127,874 (60%)	85,284 (40%)
2011	212,680	121,660 (57%)	91,020 (43%)
2012	214,482	146,587 (68%)	67,895 (32%)
2013	232,102	163,103 (70.2%)	70,466 (29.8%)
2014	268,784	191,795 (71.3%)	76,989 (28.7%)

**Jadual 17 : Statistik Ketibaan Pelancong**



Supélec : No. 183, Jalan Selayang, Sungai Besi, 50450 Kuala Lumpur, Putrajaya Darul Makmur  
No. Tel. : 609-4133171 / No. Fax : 609-4133178  
Cawangan Putrajaya : Kg. Telok, Putrajaya, 31600 Serang, Putrajaya Darul Makmur  
No. Tel. : 609-4191 101 / No. Fax : 609-4191 101  
e-mail : [tinis@tinis.gov.my](mailto:tinis@tinis.gov.my)  
website : [www.tinis.gov.my](http://www.tinis.gov.my)